

Pembinaan Rumah PR1MA dan Cawangan UPSI Tingkat Ekonomi Teluk Intan - Mah Bernama

Jun 14, 2014

TELUK INTAN, 14 Jun (Bernama) -- Anggota Parlimen Teluk Intan Datuk Mah Siew Keong berkata pembinaan 5,000 unit rumah di bawah program Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) serta penubuhan cawangan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Teluk Intan diyakini dapat meningkatkan ekonomi di kawasan itu.

Beliau turut melahirkan rasa terima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak kerana bersetuju untuk merealisasikan manifesto Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Teluk Intan.

"Saya rasa gembira kerana Perdana Menteri bersetuju untuk membina rumah serta menubuhkan cawangan universiti untuk kepentingan penduduk di kawasan ini. Dengan inisiatif ini kawasan Teluk Intan akan dilimpahi kemajuan," katanya ketika ditemui pemberita selepas berucap pada Majlis Bersama Rakyat dan pelancaran PR1MA Teluk Intan di sini.

Najib pada Sabtu mengumumkan sebanyak 1,000 unit rumah akan dibina sebagai permulaan manakala cawangan UPSI akan menempatkan 1,000 guru yang akan dilatih dalam bidang vokasional dan teknikal.

Beliau berkata cawangan universiti tersebut yang bakal ditubuhkan di sini dapat melahirkan bakal guru yang berkualiti pada masa akan datang.

Mengenai tapak pembinaan universiti itu, Mah, yang juga Presiden Gerakan, berkata terdapat dua cadangan kawasan untuk membina universiti berkenaan, namun masih belum diputuskan.

"Di Teluk Intan tak banyak tanah, untuk dapatkan tanah orang lain bukan mudah, kemungkinan kita akan bina universiti ini di atas tanah ladang," katanya.

Selain itu, Mah berkata beliau berjanji akan bekerja keras untuk membangunkan semula kawasan berkenaan yang telah tujuh tahun tiada perubahan dilakukan ketika di bawah pimpinan DAP.

"Saya kerap turun padang dan lihat semua longkang tidak dibaik pulih. Beri saya masa

dalam tiga tahun ini, saya akan cuba sedaya upaya untuk lakukan apa yang boleh untuk membangunkan Teluk Intan," katanya.

Mah menang pada PRK Parlimen Teluk Intan pada 31 Mei lepas menewaskan calon DAP Dyana Sofya Mohd Daud dengan majoriti 238 undi.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1046185>